

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 30 APRIL 2008, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 3

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1211-L11756
Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendekatan baru dan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk terus menambah baik kualiti kehidupan rakyat terutamanya dalam aspek peneguhan kuasa beli pengguna, keselamatan awam dan integrasi kaum.
2. PR-1211-L12189
Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
 - a) apakah pendekatan serta langkah berkesan Kerajaan dalam memastikan pembangunan menyeluruh di kawasan bandar dan luar bandar; dan
 - b) apakah penekanan tindakan Kerajaan ke arah menyediakan bekalan air bersih, elektrik dan cadangan pelaksanaan jalan raya di kawasan luar bandar seperti di Simpang Sogo-Sogo Kg. Pinangan dan jalan raya luar bandar ke Kg Kuamut, Kinabatangan.
3. PR-1211-L12049
Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
 - a) komitmen Kerajaan dalam melaksanakan tender terbuka seperti mana yang dinyatakan oleh YAB Perdana Menteri pada hari ke 100 dilantik sebagai Perdana Menteri; dan
 - b) apakah jenis dan justifikasi projek melebihi RM10 juta ringgit ke atas yang masih dibuat secara rundingan atau tender tertutup selepas hari tersebut.

4. PR-1211-L11270
Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah perkembangan terkini tentang kemunculan penulisan laman-laman blog internet dan apakah tindakan Kementerian untuk memantau laman-laman tersebut.
5. PR-1211-L11231
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menggariskan sepuluh langkah pembaharuan keutamaan yang bakal dilaksanakan oleh Kerajaan dalam tempoh 12 bulan ini untuk menunjukkan bahawa beliau sedar mengenai hajat rakyat dalam "tsunami politik" 8 Mac 2008.
6. PR-1211-L11311
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - a) bagaimanakah bentuk statistik jenayah di kalangan Juvana di sepanjang 10 tahun lalu; dan
 - b) apakah peranan dan langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian di dalam menangani peningkatan kadar jenayah di kalangan Juvana.
7. PR-1211-L12186
Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Pakar Kesihatan Awam diiktiraf setaraf dengan pakar klinikal dari segi pembayaran elaun pakar.
8. PR-1211-L11731
Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah perubahan dasar pelancongan negara yang perlu diambil bagi menjayakan lagi industri pelancongan Malaysia.
9. PR-1211-L12721
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha-usaha pihak kementerian untuk menaikkan imej dan persembahan produk IKS-IKS kita memandangkan kebanyakan usaha IKS kita belum mampu untuk menyediakan pembungkusan dan pelabelan yang sesuai dengan kehendak perundangan dan pasaran tempatan serta global.
10. PR-1211-L11746
Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah insentif-insentif yang telah diberikan kepada sektor pertanian di negara ini bagi mengurangkan pengimportan makanan. Sejauh manakah insentif-insentif tersebut berkesan.

11. PR-1211-L11327
Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) bakal dipinda pada tahun ini dan rasional pindaan Akta tersebut khususnya terhadap perkembangan aktiviti politik kampus dan percambahan ideologi mahasiswa.
12. PR-1211-L12604
Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah strategi kerajaan untuk melindungi sumber asli seperti sungai dan tanah paya bakau di dalam kawasan WPI.
13. PR-1211-L12446
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program-program yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk memelihara kesucian agama Islam.
14. PR-1211-L12165
Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah benar dakwaan mengatakan bahawa kedudukan wanita kini semakin dipinggirkan dan jika benar atau sebaliknya apakah langkah-langkah tersusun yang dibuat oleh Kerajaan dalam menjaga kumpulan ini termasuk tahap hidup ibu-ibu tunggal yang semakin meningkat.
15. PR-1211-L12114
Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - a) adakah pembangunan Northern Corridor Economic Region (NCER) akan diteruskan. Jika ya, adakah ia dapat bekerjasama dan mendapat sambutan daripada Kerajaan-kerajaan negeri pembangkang yang sekarang ini menguasai tiga dari empat negeri; dan
 - b) tidakkah Kerajaan Pusat sedar bahawa ia menampakkan satu penolakan terhadap perancangan Kerajaan Pusat.
16. PR-1211-L12499
Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada kementerian mempunyai rancangan membina Stesen Radio di kawasan pedalaman seperti yang ada di Sandakan dan juga Tawau kerana pedalaman merangkumi daerah Keningau, Tambunan, Tenom, Nabawan, Pensiangan dan Sook yang terdiri dari etnik Kadazan, dusun dan Murut agar hebahan atau sebaran maklumat terus sampai ke kawasan ini.

17. PR-1211-L12507
Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keberkesanan misi kita menjadikan sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi.
18. PR-1211-L12362
Datuk Richard Riot Ak. Jaem [Serian] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk memperluaskan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA - Integrated Agricultural Development Area) di Kota Samarahan ke kawasan Parlimen Serian. Kalau ya, bilakah ianya dijangka dimulakan, dan jika tidak, mengapa.
19. PR-1211-L11564
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk mengenakan levi dan menetapkan gaji minima bagi pekerja asing di negeri masing-masing.
20. PR-1211-L11348
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- a) bilakah Kerajaan akan mengemukakan draf kertas cadangan bagi meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) sebagaimana yang diumumkan Menteri Pengajian Tinggi; dan
 - b) adakah Kerajaan berhasrat memanggil golongan yang mempunyai kesan langsung dalam hal tersebut misalnya wakil persatuan mahasiswa, para akademik, Badan Peguam dan Jawatankuasa Bebas untuk turut memberi input. Jika tidak, mengapa.
21. PR-1211-L12003
Tuan Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan adakah dalam keghairahan memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan menarik seberapa ramai pelancong ke negara ini yang ianya akan memperkukuhkan aliran wang asing memasuki negara, apakah tindakan Kementerian untuk memastikan bahawa sosio budaya ketimuran dan keislaman terpelihara.
22. PR-1211-L12725
Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [Batu Pahat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam konteks Malaysia, apakah Kerajaan 'simple majority' dianggap lemah dan boleh menjejaskan perpaduan, menarik kemasukan pelabur asing serta usaha menjadikan Malaysia negara maju.

23. PR-1211-L12479
Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kenapa kapal-kapal perang Amerika Syarikat yang dikuasai nuklear seperti USS Ronald Reagan dan USS Enterprise yang dalam perjalanan ke Teluk Parsi dibenarkan singgah di Pelabuhan Klang memandangkan negara telah menandatangani triti Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara.
24. PR-1211-L11232
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mengikis pra-sangka di antara kaum di Malaysia.
25. PR-1211-L11251
Datuk Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- a) berapa banyak syarikat penjual kenderaan di negeri Sabah yang diberi kebenaran mengimport kenderaan melalui AP; dan
 - b) berapa ramai di antara pemilik AP ini adalah syarikat milik Bumiputera dan berapa buah di antaranya yang benar-benar beroperasi dan dijalankan oleh pemilik Bumiputera sendiri.
26. PR-1211-L12285
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan Kementerian untuk memastikan kebebasan media dan hak mendapat maklumat kepada awam.
27. PR-1211-L11953
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca utama yang menyebabkan warga asing sukar mendapat Kedudukan Warga Tetap (PR) serta bilangan jumlah permohonan dan bilangan pemohon yang berjaya mendapat kewarganegaraan.
28. PR-1211-L11696
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan yang telah diambil ke atas Pertubuhan Profesional Melayu dan Pewaris Bangsa (Pro Waris) berikutan tuduhannya bahawa Akta IRDA 664 bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang bercirikan demokrasi berperlembagaan kerana Akta IRDA 664 dan pembangunan WPI mengetepikan hak bangsa Melayu, menggugat kesucian agama Islam dan mencabar kedaulatan raja dan negara.

29. PR-1211-T12689
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa banyak wang yang telah dibelanjakan oleh DBKL setakat ini untuk kos "piling dan foundation" bagi projek terbengkalai Plaza Rakyat, hub pengangkutan KL dan berapa banyak lagi yang akan dibelanjakan untuk menyiapkannya dan apakah hasrat DBKL untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di KL.
30. PR-1211-L11274
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesulitan yang dihadapi oleh YAB untuk melantik seorang ahli bagi menjawat jawatan Menteri Kewangan. Nyatakan sebab-sebab YAB Perdana Menteri masih mahu memegang jawatan Menteri Kewangan.
31. PR-1211-L11717
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebenarnya mandat Government Link Company (GLC) dalam konteks pembangunan negara di mana ada di antara (GLC) terlalu mengutamakan "key performance index" (KPI) dan "bottom line" sehingga melupakan tanggungjawab sosial mereka.
32. PR-1211-L11688
Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah strategi-strategi pelan jangka panjang untuk menaik taraf atlit-atlit negara agar lebih maju dan berdaya saing bagi mengharumkan nama negara.
33. PR-1211-L11458
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan hala tuju dan jangka masa mengenai siaran langsung persidangan Parlimen melalui saluran Internet, stesen radio dan televisyen.
34. PR-1211-L11332
Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah sebab "dropout" pelajar dari Tingkatan II sangat tinggi, iaitu 20% (mengikut statistik surat khabar). Berapakah jumlah pelajar ini mengikut negeri dan sekolah (di bandar dan luar bandar).
35. PR-1211-L11831
Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status program-program pembangunan ekonomi untuk membantu kaum wanita terutamanya ibu-ibu tunggal di Sarawak yang berada di kawasan luar bandar, untuk menaikkan sumber pendapatan mereka.

36. PR-1211-L11976
Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan yang kini berkhidmat di Sarawak dan apakah pecahan dari segi kaum pegawai-pegawai dan negeri asal pegawai-pegawai tersebut.
37. PR-1211-L12602
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kemerosotan paling teruk dalam sejarah pasukan bola sepak Negara dalam ranking dunia sehingga setanding dengan Negara-negara yang mempunyai infrastruktur sukan yang rendah seperti Maldives, Hong Kong, Afghanistan dan Sri Lanka. Apakah langkah-langkah pemulihan serta peruntukan yang diberikan kepada FAM dan jumlah perbelanjaan infrastruktur sukan tersebut.
38. PR-1211-L11615
Tuan Amran bin Ab Ghani [Tanah Merah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa gerabak-gerabak kereta api penumpang yang digunakan untuk laluan ke Kelantan berkeadaan buruk dan uzur berbanding dengan laluan ke negeri lain.
39. PR-1211-L11651
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk menambah bilangan SJK (C) dan SJK (T) di kawasan yang memerlukannya. Setakat ini, berapa buah daripada sekolah tersebut yang mengalami masalah kekurangan bilik darjah atau bilangan belajar yang melebihi had yang sepatutnya.
40. PR-1211-L11582
Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kerjasama antara Universiti awam dan persatuan anak negeri agar usaha meningkatkan tahap kecemerlangan universiti tersebut tercapai.
41. PR-1211-L12377
Tuan Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan dapat memperluaskan penggunaan sistem MyKad kepada orang awam yang melintasi dan memasuki Negara Brunei Darussalam.
42. PR-1211-L11475
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana agenda integriti yang Kementerian pelopori itu menampakkan hasilnya, sambil kita sedar bahawa usaha ini adalah usaha jangka panjang, tetapi kita agak kabur dengan keberkesanan dari usaha-usaha yang dilakukan oleh agensi-agensinya pelaksana yang terdapat dalam rancangan tindakan Pelan Integriti Nasional selama lebih 4 tahun yang lalu.

43. PR-1211-L11891
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerianya sedang mengambil sebarang tindakan untuk mengatasi masalah kesesakan trafik di kawasan Puchong dan sekiranya ada, apakah tindakan-tindakan itu.
44. PR-1211-L11683
Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah terdapat rancangan untuk memindahkan Universiti Malaya ke tempat lain. Jika benar, apakah tujuan langkah ini. Apakah yang akan terjadi pada tapak Universiti Malaya sekarang.
45. PR-1211-L12527
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengapa permohonan Parti Demokratik Sosialis (PDS) untuk pendaftaran yang dikemukakan pada tahun 2003 masih belum diputuskan manakala permohonan NIUP (National Indian Unity Party) dapat diluluskan dalam beberapa minggu sahaja.
46. PR-1211-L11702
Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan ahli politik yang pernah memegang jawatan sebagai ahli Majlis PBT, ahli Dewan Undangan Negeri, ahli Dewan Rakyat atau Ketua-ketua Bahagian parti politik yang telah atau sedang disiasat oleh BPR sejak tahun 2004 sehingga kini, dan bilangan mereka yang telah didakwa dan disabitkan kesalahan.
47. PR-1211-L11918
Tuan Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah pembinaan bangunan SK. Pusat Lawas yang baru dimulakan.
48. PR-1211-L11864
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan sepanjang tempoh kempen Pilihan Raya Umum ke 12 dari 24 Februari sehingga 7 Mac 2008 hasil dari penggunaan jet eksekutif Kerajaan bagi kegunaan YAB. Perdana Menteri dan YAB. Timbalan Perdana Menteri.
49. PR-1211-L11405
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil dan Cina yang masih belum mendapatkan bantuan sepenuhnya dan sebab-sebab serta bilakah sekolah-sekolah ini akan mendapat bantuan sepenuhnya.

50. PR-1211-L11962
Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berhubung kebanjiran pendatang asing yang digaji melalui agen dengan menawarkan perkhidmatan tanpa melihat kebajikan mereka dan tempat tinggal yang bersesuaian serta mendatangkan masalah sosial dan bebanan kepada masyarakat setempat.
51. PR-1211-L12624
Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bahawa apabila yuran PIBG tidak diwajibkan dibayar, apakah langkah cadangan Kerajaan untuk membantu PIBG mendapat dana, berapa banyak cadangan peruntukan diberikan dan tarikh ia akan dilaksanakan.
52. PR-1211-L11870
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah beliau untuk mempertingkatkan mutu bola sepak memandangkan prestasi sukan bola sepak negara yang kini begitu buruk sekali sehingga terjerumus ke tangga 164 di dalam senarai ranking FIFA yang hanya mengandungi 202 negara.
53. PR-1211-L12038
Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah tahanan ISA setakat hari ini.
54. PR-1211-L12702
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kos import bahan-bahan makanan dari luar negara ke Malaysia. Sila nyatakan juga jenis-jenis/bahan makanan utama yang diimport oleh Malaysia dari luar dan nama-nama negara yang menjadi pembekal. Adakah Kerajaan mempunyai perancangan bagi mengurangkan pergantungan negara terhadap import bahan makanan dari luar negara.
55. PR-1211-L12677
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keadaan jenayah di kawasan Kepong dan Jinjang, Kuala Lumpur dan di seluruh negara. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian.
56. PR-1211-L12256
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini penduduk Malaysia mengikut kaum bagi setiap negeri.

57. PR-1211-L11416
Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah [Batu Sapi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Badan Pencegah Rasuah akan dijadikan sebuah badan Kerajaan yang bebas sepenuhnya agar mereka dapat bertindak tanpa rasa takut dan tidak berat sebelah.
58. PR-1211-L12253
Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memulihkan bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat di seluruh negara bagi membantu ramai pelajar Melayu dan bumiputera yang berada di sekolah tersebut.
59. PR-1211-L11942
Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membubarkan JPPS (Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah).
60. PR-1211-L12191
Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-
- a) mengapa DBKL tidak mengambil langkah-langkah berunding dengan penduduk sekitar Bukit Gasing berkaitan isu projek pembangunan perumahan Gasing Meridian, sedangkan ianya terletak di lereng bukit yang boleh mengakibatkan tanah runtuh dan kerosakan alam sekitar yang kronik; dan
 - b) mengapa projek itu masih diteruskan sedangkan ianya telah mendapat arahan mahkamah supaya dihentikan dan adakah projek tersebut diluluskan tanpa laporan E.I.A (Environment Impact Assessment).
61. PR-1211-L11814
Datuk Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status terkini Program Jelapang Padi di Daerah Kota Belud dari segi jenis projek, peruntukan, dan pelaksanaannya.
62. PR-1211-L12560
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan aduan yang diterima sepanjang tempoh Pilihan raya Umum 2008 daripada calon-calon dan orang ramai berhubung kesalahan pilihan raya dan apakah tindakan yang diambil ke atasnya.

63. PR-1211-L12660
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- a) adakah Kerajaan bersedia meminda status Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dan meletakkan BPR dan Jabatan Rasuah Negara di bawah Parlimen; dan
 - b) adakah Kerajaan bersedia meminda Akta Rahsia Rasmi bagi membolehkan bukti rasuah kepada satu-satu pihak dapat didedahkan.
64. PR-1211-L12179
Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah remaja yang terbabit dalam kegiatan jenayah di seluruh negara pada tahun 2005, 2006 dan 2007.
65. PR-1211-L12101
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Jalan Lachau/Kara yang telah dibina semenjak tahun 1965 dinaikkan taraf jalan berturap/premix.
66. PR-1211-L12071
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal kemasukan produk herba luar negeri yang mengandungi bahan-bahan yang berbahaya kepada pengguna.
67. PR-1211-L12474
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang akan diberikan kepada Sekolah Kebangsaan, SJK Cina dan SJK Tamil di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, mengikut pecahan aliran sekolah.
68. PR-1211-L12395
Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan menyediakan peruntukan khas kepada persatuan belia di kawasan FELDA bagi menyediakan kemudahan-kemudahan sukan seperti gelanggang futsal dan padang bola sepak dalam usaha mengurangkan belia di kawasan ini terjebak di dalam aktiviti yang tidak bermoral.

69. PR-1211-L12427
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-
- a) bagaimanakah tahap penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di universiti awam. Adakah universiti awam lain dibenarkan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya, untuk kursus sains dan bukan sains, seperti Universiti Teknologi MARA.; dan
 - b) apakah peratusan pelajar dari keluarga miskin dan pelajar Bumiputera bukan Melayu di UiTM.
70. PR-1211-L11968
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah caj 3% yang dikenakan pada pinjaman PTPTN akan dihapuskan.
71. PR-1211-L11600
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah penstrukturan semula Pejabat Pelajaran Daerah dilaksanakan bagi membolehkan gred jawatan di Pejabat Pelajaran Daerah dinaikkan kerana pada masa ini jawatan Pegawai Pelajaran Daerah sangat ketinggalan berbanding dengan gred jawatan di sekolah.
72. PR-1211-L11813
Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah penilaian terkini Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) mencapai matlamatnya.
73. PR-1211-L12391
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan berhubung gesaan yang dibuat oleh Datuk Param Cumaraswamy agar Kerajaan membuka siasatan berdasarkan kenyataan bekas Ketua Pengarah BPR, Datuk Shafee Yahya mengenai campur tangan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam kes penyiasatan BPR sekitar 1998.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Kewangan**

- * Rang undang-undang Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2008

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat pada mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Yang Berhormat Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai]** akan mencadangkan:-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kedua Belas".

2. PR-1211-U11249

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diamalkan sekarang haruslah dimansuhkan memandangkan polisi ini akan membantutkan usaha Kerajaan dalam menggalakkan lebih ramai lagi pelabur untuk melabur di negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 1980 ini membebankan rakyat Sabah kerana mereka terpaksa membayar 20-30% lebih bagi barangan yang di import ke negeri Sabah berbanding dengan rakyat di Semenanjung Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa 'Cabotage Policy' yang diperkenalkan mengikut 'Merchant Shipping Act' 1952 melalui 'Domestic Shipping Licensing Board' bagi melindungi industri perkapalan negara pada ketika itu, telah pun lapuk di mana pada masa ini kebanyakan barangan boleh diimport terus ke negeri Sabah dari negara asal dan negara sudah mempunyai banyak syarikat perkapalan.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memansuhkan 'Cabotage Policy' ini dan mengamalkan 'Open Sea Policy' bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah khasnya dan menjayakan Sabah 'Development Corridor'.

(Menteri Pengangkutan)

3. PR-1211-U11250

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa tahap pencemaran bunyi bising terutama sekali daripada 'Car Horn', para penjual langsung seperti penjual gas dan lain-lain yang masuk ke taman-taman perumahan dan kampung-kampung telah mencapai tahap yang kritikal dan membimbangkan kesihatan rakyat. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian yang dijalankan oleh 'Egyptian National Research Centre' (NRC), setiap hon yang dibunyikan mencapai tahap bunyi 90 Desibel (Dbs), jauh melebihi had yang dibenarkan oleh 'Environmental Protection Agency' iaitu 35-35 Dbs. Dan mengambil maklum bahawa menurut kajian tersebut lagi, pencemaran bunyi bising ini boleh menyebabkan ketidakselesaan hidup rakyat di mana ianya boleh menyebabkan Penambahan Hormon Tekanan Jiwa, pembengkakan dan perubahan kimia badan yang boleh menyebabkan masalah ketidakseimbangan atau kerosakan aliran darah dalam badan serta serangan jantung. Dan mengambil maklum bahawa kajian tersebut juga mendapati bahawa pencemaran bunyi bising juga boleh menyebabkan masalah kesihatan seperti penyakit darah tinggi, kehilangan daya pendengaran dan ketidakstabilan mental. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk meminda akta bagi membendung dan mengawal masalah pencemaran bunyi demi untuk keseselesaan hidup rakyat.

(Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar)

4. PR-1211-U11256

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis hari ini adalah pemimpin hari esok. Dan mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini lebih cenderung kepada pusat rekreasi berasaskan Internet mengambil maklum bahawa golongan belia dan beliawanis pada hari ini juga lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui Internet yakni laman-laman web dan blog berbanding dengan cara terdahulu iaitu melalui media massa dan elektronik. Dan mengambil maklum juga bahawa, oleh kerana kecenderungan belia dan beliawanis ini melayari Internet, mereka pada hari ini seolah-olah terasing dan lebih tepat lagi mereka mengasingkan diri daripada apa jua program yang dianjurkan Kerajaan dan ini sekali gus menyebabkan mereka tidak mendapat penjelasan mengenai program-program serta agenda-agenda pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Kerajaan haruslah merangka satu pelan induk yang efektif, di mana Kerajaan melalui wakil-wakil rakyat dan kakitangan Kerajaan menyediakan satu forum yang bersesuaian dengan cita rasa golongan belia dan beliawanis hari ini.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan untuk menubuhkan 'One Stop Centre' di setiap kawasan Parlimen di Malaysia, di mana pusat ini akan dijadikan sebagai pusat maklumat, rekreasi berinteraksi dan tempat di mana wakil rakyat serta kakitangan Kerajaan dapat menemui dan mendekati golongan belia dan Kerajaan bagi menerangkan semua program-program dan polisi Kerajaan."

(Menteri Belia dan Sukan)

5. PR-1211-U12705
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan membincangkan pelbagai aspek penjenayahan di negara ini. Bahawa Dewan ini juga akan membahaskan setakat mana pelaksanaan syor-syor Suruhanjaya diraja Polis dapat mengatasi penjenayahan."

(Menteri Dalam Negeri)

6. PR-1211-U12709
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbahaskan implikasi masalah ekonomi Amerika Syarikat seperti skandal subprime terhadap ekonomi Malaysia. Bahawa Dewan ini hendak mengetahui tindakan yang perlu diambil untuk menghadapi faktor-faktor yang kena-mengena dengan ekonomi tersebut."

(Menteri Kewangan)

7. PR-1211-U11516
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung televisyen sepenuhnya bagi sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

(Menteri Penerangan)

8. PR-1211-U11517

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

9. PR-1211-U11519

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

10. PR-1211-U11520

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

(Perdana Menteri)

11. PR-1211-U11523

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

(Menteri Dalam Negeri)

12. PR-1211-U12088

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya agar pendengaran yang dikendalikan oleh Mahkamah Majistret bergerak di daerah-daerah di seluruh negara demi untuk membantu penduduk di luar bandar dapat diberi kemudahan utama. Dengan adanya Mahkamah Majistret bergerak maka sudah tentunya penduduk-penduduk luar bandar diberi peluang untuk memohon bantuan guaman serta pendengaran kes-kes tribunal dan juvana dapat disegerakan."

(Perdana Menteri)

13. PR-1211-U12093

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan dengan seriusnya untuk menetapkan supaya mempertingkatkan penggunaan baja-baja organik demi untuk mengelakkan penggunaan baja in-organik yang diperoleh terutama sekali daripada bahan petroleum di mana harga bahan mentah melambung tinggi. Logiknya ialah peningkatan bahan baja organik boleh didapati dengan mudah iaitu dari hasil bumi kita yang kaya dengan bahan-bahan ini, contohnya dari sisa hasil makanan rakyat jelata negara ini."

(Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani)

14. PR-1211-U12097

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menetapkan dengan seriusnya, demi untuk memperluaskan pendidikan dan sekolah khas bagi kanak-kanak sub-normal serta yang hyper-aktif. Dengan perkembangan sekolah khas tersebut ke daerah-daerah tertentu maka ini dapat memudahkan ibu bapa menghantar anak-anak golongan hyper-aktif ini mendapat peluang pendidikan bersama-sama dengan semua pelajar kelak."

(Menteri Pelajaran)

15. PR-1211-U12648

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis / Dewan Bandar raya dan Majlis Perbandaran seluruh negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan Tempatan dikembalikan selaras dengan amalan Demokrasi Berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijelmakan dalam keputusan Pilihan raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Persekutuan)

16. PR-1211-U11457

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memastikan Kerajaan Persekutuan memperkenalkan Pilihan Raya Majlis Tempatan dan dengan secepat yang mungkin."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

17. PR-1211-U12502

Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan ahli Parlimen Belanda, Geert Wilders yang menerbitkan filem pendek, 'Fitna' yang telah mencemarkan kesucian agama Islam. Dewan ini berpandangan bahawa hak kebebasan individu tidak boleh disalahgunakan untuk melakukan apa sahaja, termasuk mencabul hak masyarakat. Tindakan Geert Wilders telah mencalarkan hati 1.3 bilion umat Islam di seluruh dunia. Dewan ini juga melahirkan kebimbangan sekiranya perbuatan biadab seperti ini dibiarkan akan merangsang tindakan di luar batas undang-undang. Ia adalah satu bentuk provokasi atas umat Islam supaya melakukan keganasan. Dewan ini dengan ini mendesak Parlimen Belanda supaya mengambil tindakan yang keras terhadap seorang manusia yang tidak bertamadun seperti Geert Wilders."

(Menteri Luar Negeri)

18. PR-1211-U12517
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula dasar-dasar yang digubal untuk membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar yang dilihat memberikan keuntungan ekonomi, politik dan sosial kepada Singapura. Dewan ini berpandangan bahawa WPI tidak seharusnya menjadi satu laluan kepada Singapura untuk 'menjajah' negara ini dalam bentuk baru (neo-colonialism)."

(Perdana Menteri)

19. PR-1211-U12520
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan menurunkan harga petrol sebanyak RM0.30 memandangkan kos hidup rakyat semakin meningkat pada hari ini. Dewan ini berpandangan bahawa kenaikan harga minyak dalam Dolar US tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengekalkan harga petrol kerana nilai Ringgit Malaysia lebih kukuh daripada Dolar US sekarang. Dewan ini mencadangkan kos untuk mengurangkan harga petrol ini disubsidikan oleh Petronas sepenuhnya."

(Menteri Kewangan)

20. PR-1211-U12526
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini akan mengkaji semula Peraturan Dewan bagi membolehkan urusan pembangkang didahulukan sebelum urusan Kerajaan. Dewan ini berpandangan bahawa Dewan ini adalah Dewan Rakyat yang perlu membawa suara rakyat dan mengambil berat kepentingan rakyat. Sebelum ini Dewan ini pernah mengamalkan dasar mengutamakan urusan pembangkang sehingga banyak kepentingan rakyat dapat dibahaskan sebelum ia dipinda bagi memberi keutamaan kepada urusan Kerajaan. Dewan ini melahirkan rasa kesal kerana pihak Kerajaan gagal mengambil berat pandangan-pandangan pembangkang, khususnya usul-usul yang dikemukakan semenjak urusan Kerajaan diutamakan."

(Perdana Menteri)

21. PR-1211-U12529
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya semua tahanan ISA untuk dibicarakan di mahkamah terbuka atau dibebaskan jika Kerajaan tidak mempunyai bukti ke atas segala tuduhan ke atas semua. Dewan ini amat kesal ke atas penyalahgunaan ISA untuk kepentingan politik parti pemerintah."

(Menteri Dalam Negeri)

22. PR-1211-U12535
Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk keras tindakan SPR membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya lepas. Dewan ini berpandangan bahawa tindakan tersebut adalah satu persekongkolan antara SPR dan BN untuk membolehkan pengundi hantu beroperasi bagi memenangkan BN. Dewan ini mendesak supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan bagi menyiasat tindakan SPR yang mensabotaj rakyat dalam pilihan raya lepas."

(Perdana Menteri)

23. PR-1211-U12740
Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan bagi membolehkan rakyat mendapat akses khasnya yang dipegang oleh badan-badan awam dengan menyegerakan pengenalan dasar dan undang-undang kebebasan Hak Mendapat Maklumat. Berlatar belakang kedudukan gejala rasuah yang semakin parah dan membarah seperti yang diketahui umum kini. Dewan ini berpandangan bahawa dasar dan undang-undang ini adalah amat penting bagi menggalakkan keterbukaan dan ketelusan amalan Kerajaan meningkatkan integriti dan kepercayaan rakyat terhadap institusi-institusi Kerajaan sekali gus menangani penyalahgunaan kuasa dan rasuah."

(Perdana Menteri)

24. PR-1211-U12741

Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini merakamkan kekesalan dan kekecewaan yang amat sangat atas perubahan sikap pihak SPR yang gagal memenuhi beberapa janji mereka untuk memastikan bahawa PRU Ke-12 khususnya penggunaan dakwat kekal bagi mengelakkan pengundi 'multiple' dan capaian atau akses media yang adil dan bebas oleh semua parti-parti yang bertanding dalam pilihan raya yang lalu sehingga berlaku sekali 'media blitz' oleh pihak BN. Dewan ini mendesak supaya permohonan BERSIH bagi mewujudkan sebuah Suruhanjaya Bebas ditubuhkan segera bagi menyiasat segala dakwaan salah-laku, penyalahgunaan kuasa, kewujudan 'multiple voters' pelanggaran undang-undang dan akta-akta pilihan raya secara menyeluruh bagi mempertingkatkan dan menambah baik proses pilihan raya."

(Perdana Menteri)

25. PR-1211-U12583

Dr. Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Pelajaran supaya membuat perisytiharan terbuka tentang penggunaan semula Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk subjek Sains dan Matematik di sekolah."

(Menteri Pelajaran)

26. PR-1211-U12554

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sikap tidak profesional Menteri Pelancongan yang membatalkan MoU berkaitan pelancongan dengan lima buah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat atas alasan tidak bersefahaman. Dewan ini berpandangan bahawa alasan tersebut bukan sahaja tidak munasabah, bahkan dipengaruhi oleh pemikiran politik partian yang amat sempit dan dangkal."

(Menteri Pelancongan)

27. PR-1211-U12590

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula AUKU supaya ia selaras dengan hak-hak kebebasan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan. Dewan ini berpandangan sekatan yang dikenakan oleh AUKU ke atas kebebasan pelajar adalah bercanggah dengan Hak Asasi Manusia."

(Menteri Pengajian Tinggi)

28. **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa mutu dan nilai-nilai pengakap di kalangan murid-murid sekolah pada hari ini kian menurun berbanding dengan mutu dan nilai-nilai pengakap terdahulu. Dan mengambil maklum bahawa penurunan ini disebabkan kerana tiadanya guru-guru atau pegawai pengakap yang bertauliah atau berpengalaman bagi mengawasi badan-badan pengakap di sekolah-sekolah ini. Dan mengambil maklum bahawa amalan masa kini adalah memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru penasihat badan-badan pengakap ini sebagai pembimbing sedangkan guru-guru ini telah pun dibebani oleh tugas-tugas perguruan dan terdapat juga guru-guru yang tidak mempunyai pengetahuan ataupun pengalaman asas sebagai pengakap. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran untuk membantu tugas formasi pengakap dengan menyediakan guru-guru pengakap yang bertauliah yang telah dilatih oleh Persatuan Pengakap Malaysia."

(Menteri Pelajaran)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2008</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.9	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	30 April 2008
ST.24	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	30 April 2008
ST.49	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) 2007	30 April 2008